

Tahap Sikap Pengajaran, Kemahiran dan Pengetahuan Terhadap Kendiri Pengajaran

(The Level of Teaching Attitude, Teaching Skills, and Knowledge Towards Teaching Self-Efficacy)

Syahrul Nizam Salam^{1*}, Sarimawathy Jumanie², Farous Izwan Abdul Aziz³
Suddin Lada⁴, Muhammad Asyraf Che Amat⁵

¹Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Kampus Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 87000 Jln. Sungai Pagar, WP Labuan, Malaysia.

Email: syahrulnizam.salam@ums.edu.my

²Jemaah Nazir Negeri Sabah, Kementerian Pendidikan Malaysia, Blok B, Tingkat 7, Bangunan KWSP, 88000, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: sarimawathy@moe.gov.my

³Penataran Ilmu Dan Bahasa, Kampus Antarabangsa Labuan (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS), 87000 Jln. Sungai Pagar, WP Labuan, Malaysia.

Email: farousizwan.aziz@ums.edu.my

⁴Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Perakaunan(FPEP), Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: suddin@ums.edu.my

⁵Jabatan Pendidikan Kaunselor dan Psikologi Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor, Malaysia.

Email: mhdasyraf@upm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap sikap pengajaran, pengetahuan pengajaran dan kemahiran pengajaran terhadap kendiri pengajaran guru sekolah menengah di negeri Sabah. Reka bentuk kajian adalah berbentuk deskriptif, menggunakan kaedah tinjauan. Soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan data kuantitatif melibatkan seramai 150 guru sekolah menengah di negeri Sabah sebagai responden. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif (min, peratus dan kekerapan). Implikasi daripada kajian ini, mencadangkan bahawa kendiri pengajaran guru sekolah menengah perlu sentiasa dipertingkatkan dan ditambah baik dan perlu mengambil kira faktor sikap, pengetahuan dan kemahiran yang memberi kesan secara tidak langsung terhadap kendiri guru sekolah menengah di negeri Sabah.

ABSTRACT

This study aims to identify the level of teaching attitude, teaching knowledge, and teaching skills that factor into the teaching self-efficacy of secondary school teachers in Sabah. A descriptive research design through a survey method was used for this study. A questionnaire was employed to obtain quantitative data from 150 secondary school teachers in Sabah. The data for this study were analyzed descriptively

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Syahrul Nizam Salam
(syahrulnizam.salam@ums.edu.my)

KATA KUNCI:

Sikap pengajaran
Kemahiran pengajaran
Pengetahuan pengajaran
Kendiri Pengajaran

KEYWORDS:

Teaching Attitude
Teaching Skills
Teaching Knowledge
Teaching Self-efficacy

CITATION:

Syahrul Nizam Salam et al. (2022). Tahap Sikap Pengajaran, Kemahiran dan Pengetahuan Terhadap Kendiri Pengajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(12), e001979. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.1979>

(mean, percentage and frequency). Implications from this study suggest that the teaching self-efficacy of secondary school teachers needs to constantly improve, and it is necessary to consider the attitude, knowledge, and skills as factors that indirectly affect the self-efficacy of secondary school teachers in Sabah.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dan mendapati bahawa wujudnya dapatan yang signifikan melalui faktor-faktor pengajaran sendiri guru iaitu sikap pengajaran, kemahiran pengajaran dan pengetahuan pengajaran dalam membentuk sendiri pengajaran yang baik dalam kalangan guru-guru sekolah menengah di negeri Sabah.

1. Pengenalan

Pembangunan sendiri dalam modal insan penting untuk meningkatkan pencapaian negara dari segi kemajuan pendidikan perlu diberi perhatian untuk menjadikan negara pusat tumpuan pendidikan dunia dan negara maju sepenuhnya. Pembangunan sendiri yang dititik beratkan dalam setiap dasar kerajaan dapat menjamin kestabilan pembangunan modal insan dalam aspek penerapan nilai-nilai sendiri positif yang berkait rapat dengan pendidikan, keadilan sosial, kestabilan politik, kualiti hidup, nilai sosial, maruah bangsa, keyakinan dan komitmen. Dalam kajian [van Rooij, Fokkens-Bruinsma dan Goedhart \(2019\)](#) menunjukkan komitmen seseorang individu di pengaruhi oleh sendiri seseorang.

Melalui sistem pendidikan negara menerusi PPPM 2013-2025, dengan mengambil kira pembangunan sendiri dalam kalangan pelajar, beberapa program dibentuk dan dilaksanakan bagi melahirkan pelajar yang bukan sahaja berjaya dalam peperiksaan tetapi memiliki sahsiah sendiri yang unggul menerusi beberapa objektif yang menjadi garis panduan KPM iaitu memahami prestasi dan cabaran semasa, mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas serta menggariskan transformasi sistem pendidikan secara komprehensif merangkumi pembangunan modal insan yang cemerlang. Salah satu cabaran yang dititikberatkan adalah pembangunan sendiri dalam kalangan pelajar sekolah yang melibatkan semua pihak seperti guru, ibu bapa dan masyarakat.

Guru ialah pendidik yang dianggap telah dilatih dengan keilmuan, kebolehan dan kemahiran profesionalisme yang tinggi melalui dasar pendidikan negara. Mereka terlatih untuk menguasai ilmu pengetahuan, kebolehan dan kemahiran mengajar serta diamanahkan dengan tanggungjawab untuk menyampaikan pengetahuan, kemahiran, nilai-nilai dan membentuk sahsiah pelajar. Menurut [Kamaruddin dan Mohamad \(2011\)](#) penguasaan keilmuan, kebolehan, kemahiran dan kepakaran profesionalisme oleh pendidik memainkan peranan penting dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Ini sekaligus dapat membentuk konsep sendiri positif dalam kalangan guru-guru sekolah.

Dalam kajian [Tangney, Boone, dan Baumeister, \(2018\)](#) pembangunan sendiri amat penting kerana melibatkan pengetahuan serta menjadi perkembangan sikap yang baik dalam membentuk modal insan yang berkualiti. Ini kerana, persediaan yang rapi serta kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bijak yang dibuat oleh seseorang guru serta terancang hasil daripada perkembangan sendiri positif dapat membantu menyelesaikan

masalah pencapaian dalam kalangan pelajar melalui pembangunan sahsiah sendiri yang diterapkan di peringkat persekolahan seperti aspek pencapaian sendiri.

1.1. Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat tahap sikap guru yang berkait dengan pengajaran, pengetahuan pengajaran dan kemahiran pengajaran guru sekolah menengah di negeri Sabah yang memberi kesan terhadap sendiri pengajaran guru tersebut di sekolah.

2. Sorotan Literatur

Dalam kajian yang dibuat oleh [van Rooij, Jansen dan van de Grift \(2017\)](#) pencapaian seseorang individu dapat dilihat dalam diri seseorang melalui konsep sendiri yang dimiliki seperti timbul rasa minat dalam kerja yang dilakukan serta bermotivasi untuk berjaya. Ini turut di sokong oleh kajian [Syahrul Nizam, Abdul Said, Ghazali Hassan \(2018\)](#) menunjukkan faktor motivasi merupakan komponen yang penting dalam membentuk konsep sendiri positif seseorang individu bagi meningkatkan pencapaian dalam hidup seseorang. Kajian ini turut diperkukuhkan lagi oleh kajian yang dibuat oleh [Sarimawathy dan Syahrul Nizam \(2021\)](#) yang menunjukkan sikap, pengetahuan dan kemahiran dapat mempengaruhi pencapaian sendiri seseorang individu.

Selain itu dapat dilihat oleh kajian [Klapp \(2018\)](#) yang menunjukkan konsep sendiri yang rendah memberi kesan kepada nilai gred pencapaian dalam akademik yang menjadi kegagalan kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan di sekolah. Justeru, masalah sendiri guru dapat ditunjukkan dengan perlakuan, komitmen, sikap serta pengetahuan dalam kalangan guru-guru. Justeru, permasalahan sendiri dalam kalangan pendidik memberi kesan yang besar kepada kualiti Pendidikan dan pembangunan akademik di sekolah.

Terdapat pelbagai faktor yang menghalang guru daripada meningkatkan pencapaian kerja di sekolah, terutamanya dalam meningkatkan konsep sendiri guru itu sendiri yang perlu diselidiki. Sikap dan persepsi guru terutamanya dalam memperkembangkan ilmu kemahiran yang profesional termasuk kemahiran mengajar yang berkait dengan pengalaman menjadi guru. Dalam kajian yang dibuat oleh [Syahrul Nizam, Abdul Said, Ghazali Hassan \(2019\)](#) menunjukkan sikap memainkan peranan yang penting dalam membentuk sendiri positif seseorang dalam meningkatkan kemahiran dan kebolehan hidup. Justeru, peranan guru kepada diri sendiri adalah memiliki kemahiran agar dapat digunakan untuk melahirkan para pelajar yang berkemahiran yang menjadi modal insan yang berharga yang akan menjadi pelapis kepada kepimpinan negara.

Perkara-perkara asas yang perlu dimiliki oleh guru untuk mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan ialah guru tersebut haruslah memiliki ilmu pengetahuan tentang mata pelajaran yang diajar, berkemahiran untuk mengajar kandungan mata pelajaran tersebut. Kajian [Ravichandran dan Rajendran \(2007\)](#) menjelaskan seseorang yang mempunyai sikap yang positif akan berkemampuan untuk menangani pelbagai cabaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas yang diajar. Dengan adanya konsep sendiri yang positif, secara tidak langsung akan dapat meningkatkan lagi prestasi dan kecemerlangan akademik.

3. Metod Kajian

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap sikap pengajaran, pengetahuan pengajaran, dan kemahiran pengajaran terhadap sendiri pengajaran guru sekolah menengah di Sabah. Dalam kajian [Ghazali dan Sufean \(2016\)](#) menunjukkan penyelidikan kuantitatif merujuk kepada kajian yang mana dapatan dihasilkan dengan menggunakan analisis statistik dalam bentuk angka. Dalam kajian ini juga, menggunakan kaedah soal selidik kerana kesesuaian untuk digunakan untuk penggunaan efektif dalam masa kajian dijalankan seperti dalam kajian [Gay \(2003\)](#) yang menggunakan kaedah soal selidik dan kesan kajian, selain responden kajian. Menurut [Ahmad Mahzan \(1995\)](#) kaedah yang seragam yang dibuat memudahkan penyelidik menganalisis data dengan baik.

3.1. Responden Kajian

Kajian ini adalah dijalankan terhadap 150 guru sekolah menengah di negeri Sabah mengikut saranan [Krejcie dan Morgan \(1970\)](#). Saiz sampel yang diambil seharusnya dapat mewakili populasi. Oleh demikian, saiz sampel kajian ini ditentukan berdasarkan kepada panduan teknik pensampelan [Krejcie dan Morgan \(1970\)](#) bagi mendapatkan sampel yang mewakili populasi dengan tepat.

4. Hasil Kajian

Analisis deskriptif kajian menunjukkan frekuensi, eksplorasi data, deskriptif, analisis nisbah dan Crosstabulation. Analisis frekuensi yang diterangkan oleh pengkaji seperti min, median, sisihan piawai, mod, minimum, maksimum, varians dan data yang digunakan dalam kajian ini merupakan data kuantitatif. Pengkaji telah meneutralkan kesemua item soalan yang berbentuk negatif untuk mendapatkan ketepatan data yang dibentangkan. Dalam analisis deskriptif ini, meliputi pengelasan tahap dalam kajian [Ghazali dan Sufean \(2016\)](#) seperti berikut; 1.00-2.00 (Rendah), 2.01-3.00 (Sederhana Rendah), 3.01-4.00 (Sederhana Tinggi) dan 4.01-5.00 (Tinggi). Menentukan Tahap Sikap pengajaran, Pengetahuan pengajaran, Kemahiran pengajaran dan Kendiri pengajaran guru sekolah menengah.

Ciri-ciri demografi responden dalam kajian ini meliputi empat kategori utama iaitu jantina, pendidikan guru, pengalaman mengajar Bahasa Melayu dan lokasi yang dibentangkan dalam bentuk frekuensi dan peratusan. Berikut adalah perincian ciri demografi responden berdasarkan data kajian yang diperoleh.

Jadual 1 menunjukkan daripada sejumlah 150 responden terlibat mengikut jantina, iaitu seramai 90 orang adalah perempuan (60%) dan selebihnya seramai 60 orang guru lelaki (40%). Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar jawatan guru disandang oleh guru perempuan. Data ini juga menunjukkan bahawa pendidikan guru iaitu PHD ialah seramai 6 orang guru (4%), Master 21 orang (14%), ijazah 42 orang (28%) dan Sijil Perguruan Asas seramai 81 orang (54%). Bagi demografi jumlah lokasi luar bandar mencatatkan jumlah tertinggi iaitu seramai 100 orang guru (33%) dan diikuti lokasi bandar 50 orang guru (67%).

Jadual 1: Demografi Profil

Pemboleh Ubah	Kategori	Kekerapan	Peratus
---------------	----------	-----------	---------

Jantina Guru	Perempuan	90	60
	Lelaki	60	40
Pendidikan Guru	PPSMP	81	54
	Ijazah	42	28
	Master	21	14
	Phd	6	4
Lokasi Guru	Bandar	50	33
	Luar Bandar	100	67

Jadual 2 menunjukkan secara keseluruhan penerimaan responden terhadap Sikap guru sekolah menengah di negeri Sabah. Dapatan analisis menunjukkan tahap sikap berada pada tahap tinggi secara keseluruhan iaitu dengan nilai min (4.050). Ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan sikap guru terhadap konsep sendiri adalah tinggi. Dapatan analisis menunjukkan tahap sikap dapat membentuk sendiri guru yang tinggi.

Jadual 2 : Tahap Sikap Pengajaran Guru Sekolah Menengah

	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Sikap	150	150	3.00	4.73	4.050
Valid N (listwise)	150				

Jadual 3 menunjukkan secara keseluruhan penerimaan responden terhadap Pengetahuan. Tahap pengetahuan menunjukkan nilai min (3.770) iaitu berada pada tahap sederhana tinggi. Tahap sederhana tinggi menunjukkan tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam membentuk pencapaian sendiri guru Sekolah Kebangsaan perlu dipertingkatkan dan perlu penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Jadual 3: Tahap Pengetahuan Pengajaran Guru Sekolah Menengah

N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai	
Pengetahuan Pengajaran	150	2.26	4.89	3.770	Pengetahuan
Valid N (listwise)	150				Valid N (listwise)

Jadual 4 menunjukkan secara keseluruhan penerimaan responden terhadap Kemahiran pengajaran guru sekolah menengah. Pemboleh ubah kemahiran pengajaran menunjukkan nilai min (3.953) iaitu berada pada tahap sederhana tinggi. Tahap sederhana tinggi menunjukkan tahap kemahiran pengajaran guru dalam membentuk konsep sendiri guru perlu dipertingkatkan lagi dan perlu ditambah baik dari semasa ke semasa.

Jadual 4 : Tahap Kemahiran Pengajaran Guru Sekolah Menengah

N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai	
Kemahiran	150	2.40	5.00	3.953	Kemahiran
Valid N (listwise)	150				Valid N (listwise)

Jadual 5 menunjukkan secara keseluruhan penerimaan responden terhadap kendiri Pengajaran guru Sekolah menengah pada nilai min (3.899) adalah sederhana tinggi. Ini menunjukkan bahawa kendiri pengajaran guru perlu dikekalkan dan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

Jadual 5 : Tahap Kendiri Pengajaran Guru Sekolah Menengah

N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai	
Kendiri Pengajaran	150	2.86	4.73	3.899	Kendiri
Valid N (listwise)	150				Valid N (listwise)

5. Kesimpulan

Kajian ini berkait untuk mengenal pasti tahap kendiri pengajaran guru sekolah menengah di negeri Sabah iaitu pengetahuan pengajaran, sikap pengajaran dan kemahiran pengajaran dalam menyokong dan melonjakkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013-2025 (PIPP) yang memerlukan penguasaan kendiri pengajaran yang baik dalam kalangan guru di negeri Sabah bagi meningkatkan pencapaian prestasi mata pelajaran yang diajar di sekolah. Pembangunan kendiri yang baik dalam kalangan guru dapat memberi pengajaran dan pembelajaran yang baik serta dapat meningkatkan prestasi akademik sekolah. Penguasaan kendiri pengajaran yang baik dapat memberi kesan kepada sistem pendidikan tidak kira terhadap guru dan pentadbir dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) sekali gus memberi kesan kepada pembentukan kendiri positif guru dalam memperbaiki pencapaian diri sebagai pendidik.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tiada mempunyai sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Ahmad Mahzan Ayub. (1995). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Penerbit Universiti Malaya.
- Gay, L. R. (2003). *Education Research, Competencies For Analysis And Application*. New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Kamaruddin, M. I., & Mohamad, A. (2011). Kajian gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar UTM. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 2, 51-77.
- Klapp, A. (2018). Does academic and social self-concept and motivation explain the effect of grading on students' achievement?. *European Journal of Psychology of Education*, 33(2), 355-376.
- Krejcie, V. R., & Morgan. W.D. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement*, (30), Duluth: University of Minnesota
- Ravichandran, R., & Rajendran, R. (2007). Perceived sources of stress among the teachers. *Journal of the Indian Academy of Applied Psychology*, 33(1), 133-136.
- Sarimawathy Jumanie & Syahrul Nizam Salam. (2021). Pengaruh Sikap, Pengetahuan dan Kemahiran Terhadap Pencapaian Kendiri Guru di Sabah", *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 268 – 274.
- Syahrul Nizam Salam, Abdul Said Ambotang, & Ghazali Hassan Sulaiman. (2018). Pengaruh Faktor Penyumbang Terhadap Kendiri Pelajar Ekonomi Tingkatan Enam Di Sabah. *Jurnal Penyelidikan Akademik, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia*, 3 (34), 40-57.
- Syahrul Nizam Salam, Abdul Said Ambotang, & Ghazali Hassan Sulaiman. (2019). Hubungan Sikap Terhadap Ekonomi Dan Kefahaman Konsep Ekonomi Dengan Kendiri Pelajar Ekonomi. *Jurnal Kurikulum, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia*, 4(34), 16-29.
- Tangney, J. P., Boone, A. L., & Baumeister, R. F. (2018). High self-control predicts good adjustment, less pathology, better grades, and interpersonal success. In *Self-regulation and self-control* (pp. 173-212). Routledge.
- van Rooij, E. C. M., Fokkens-Bruinsma, M., & Goedhart, M. (2019). Preparing science undergraduates for a teaching career: Sources of their teacher self-efficacy. *The Teacher Educator*, 54(3), 270-294.
- van Rooij, E. C., Jansen, E. P., dan van de Grift, W. J. (2017). Factors that contribute to secondary school students' self-efficacy in being a successful university student. *Research in Post-Compulsory Education*, 22(4), 535-555.